

Kertas jemaah menteri siap

■ Pelaksanaan inisiatif subsidi secara bersasar tertakluk kepada keputusan mesyuarat

Idris Musa

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pelaksanaan inisiatif subsidi secara bersasar tertakluk kepada keputusan yang dicapai dalam mesyuarat jemaah menteri dalam masa terdekat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya sudah menyiapkan kertas jemaah menteri mengenai perkara itu.

"Sekarang (kertas itu) telah siap dan saya cuma tunggu masa untuk membentangkan kepada mesyuarat jemaah menteri dan tertakluk kepada apa-apa keputusan dan apa-apa pindaan."

"Saya tidak boleh mendahului jemaah menteri, kerana ini adalah polisi baharu. Kita belum pernah melaksanakannya, sudah tentu anggota jemaah menteri mungkin ada pandangan yang mestilah saya hormati."

"Tapi di peringkat menterian, kami sudah selesai menghasilkan satu

kertas jemaah menteri yang mengambil kira semua aspek yang kami anggap munasabah. Ia menunggu masa untuk saya bentangkan saja," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan penutupan Karnival Jualan Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-Keep) di Padang Perpustakaan Awam, Pantai Dalam di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya Chong Chieng Jen dan Ahli Parlimen Lembah Pantai Fahmi Fadzil.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan minyak masak jenama baharu, Lestari yang dijual pada harga RM16.50 bagi lima kilogram.

Karnival empat hari bermula Jumaat lalu itu antara lain bertujuan memperkenalkan inisiatif baharu berkenaan sebagai penjemaaman semula terhadap Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM) yang dihentikan.

Mengulas mengenai i-Keep, Saifuddin berkata, ketika ini ada 368 buah kedai i-Keep membabitkan 10 rakan kongsi pertunitan dan

menjelang 2020 disasarkan sejumlah 500 buah kedai di seluruh negara.

"Ciri yang kena ada pada kedai ini ialah ia mestilah menjual produk utama pengguna pada harga rendah yang membawa sekurang-kurangnya 30 peratus penjimatatan terhadap barang keperluan utama pengguna," katanya.

Berkenaan isu harga ubat, beliau berkata, pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan dan ia penting kerana aspek penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa kementeriannya.

"Dalam perbincangan kami, saya difahamkan Menteri Kesihatan (Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad) dalam peringkat akhir untuk mengenal pasti mekanisme atau kaedah bagi menentukan sesuatu jenis harga ubat di negara kita," katanya.

Menjawab isu gesaan memboikot barang bukan Bumiputera oleh segerintir pihak, beliau berkata, boikot bukan jalan sewajarnya.

FAKTA
Kini terdapat
368 kedai
i-Keep

HARI : SELASA
TARIKH : 3/9/2019
M/SURAT : 21A

FOTO: KHAIRUL AZHAR AHMAD



SAIFUDDIN (dua dari kanan) merasmikan penutupan Karnival Jualan i-KeeP di Padang Perpustakaan Awam, semalam. Turut hadir, Chong (dua dari kiri) dan Fahmi (kanan).

